

---

## Faktor-faktor Latar Belakang Yang Berkaitan Dengan Pencapaian Akademik Murid Darjah Satu

Sharifah Md. Nor  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Pertanian Malaysia

---

This paper discusses factors relating to the academic achievement of Standard One pupils in a school situated in a small town in West Malaysia. The academic records of 144 Standard Three pupils while they were in Standard One were analysed. The dependent variable was test scores obtained at the end of Standard One. Independent variables were race, family income, mothers' education (years of schooling) and fathers' education. Regression was used to analyse data. Findings showed that race (Indian) was negatively associated with achievement. Mothers' education (6-12 years) and Indian mothers' education contribute positively towards achievement. The findings suggest that more need to be done by all parties to improve the education of poor pupils particularly that of the Indian community.

### Pengenalan

Pencapaian murid di sekolah menjadi satu isu yang dianggap penting oleh semua pihak; ibubapa, guru, murid dan masyarakat keseluruhannya. Perhatian ini bermula dari peringkat awal lagi, yakni semasa murid-murid berada di darjah satu. Mengikut Bourdieu (1971) murid-murid membawa keberuntungan (modal) budaya atau cultural capital dari rumah dan 'cultural capital' ini membentuk sebahagian besar daripada karier persekolahan mereka. Kanak-kanak dari rumah tangga yang beruntung membawa nilai-nilai dan pengetahuan yang dipentingkan oleh sekolah, dan oleh kerana itu mereka berjaya mencapai keputusan dengan baik, terutama sekali di peringkat awal persekolahan. Latar belakang murid dari segi status sosio-ekonomi mempengaruhi bentuk 'cultural capital' yang dibawa oleh mereka ke sekolah. Justeru itu faktor latar belakang sosio-ekonomi murid sering dikaitkan dengan pencapaian akademik mereka di sekolah.

Banyak kajian telah dibuat untuk mencari perkaitan di antara pencapaian akademik pelajar dan latar belakang (sosio-ekonomi, ras) mereka. Faktor latar belakang sosio ekonomi yang sering dikaji ialah pendapatan ibubapa, pekerjaan bapa dan tahap pelajaran ibubapa. Sebagai contoh, Lavin (1963) meneliti 19 kajian di Amerika Syarikat yang mengkaji perkaitan ini. Beliau mendapati, 13 daripada 19 kajian itu menunjukkan kaitan yang kuat di antara status sosio ekonomi pelajar dan pencapaian akademik mereka. Coleman (1966) dalam kajiannya yang mengukur stats sosio ekonomi dari segi pekerjaan bapa, tahap pelajaran dan pendapatan ibubapa mendapati bahawa latar belakang famili pelajar adalah penting dalam mempengaruhi pencapaian akademik mereka dan hubungan ini berterusan.

Di Malaysia T.A. Aziz (1989) mendapati bahawa tahap kedudukan keluarga, kawalan sendiri pelajar, aspirasi pelajar, jantina dan tahap sokongan akademik keluarga dan persekitaran rumahtangga menerangkan 45% varians dalam pencapaian akademik murid-murid darjah 5, di 16 buah sekolah luar bandar yang dikaji di Semenanjung Malaysia.

Esei ini ingin membincangkan penemuan daripada sebuah kajian yang dibuat di sebuah sekolah bandar di Semenanjung Malaysia. Kajian ini mencari faktor-faktor yang berkaitan dengan pencapaian murid darjah satu. Data yang diperolehi untuk perbincangan ialah data yang terkumpul hasil daripada penyelidikan yang lebih besar mengenai 'Pengaliran di Sekolah Rendah' yang dijalankan dalam tahun 1982.). Walaupun data yang digunakan agak lama, namun demikian, ianya masih boleh digunakan kerana faktor latar belakang yang mempengaruhi pencapaian akademik murid-murid begitu konsisten dari sejak dahulu sehingga kini seperti yang tertera dalam perbincangan penemuan-penemuan penyelidikan di atas. Tambahan pula penemuan daripada penyelidikan ini boleh dijadikan asas untuk menilai keberkesanan KBSR dari segi merapatkan jurang perbezaan pencapaian akademik murid-murid daripada latar belakang sosio ekonomi yang berbeza.

## **Kaedah Penyelidikan**

### **a. Sampel**

Seramai 144 orang murid darjah tiga daripada empat buah kelas yang merupakan keseluruhan populasi murid darjah tiga di sekolah ini menjadi sampel kajian. Sampel kajian terdiri daripada 58 orang murid Melayu, 42 orang murid Cina dan 44 murid India.

### **b. Instrumen**

Data diperolehi dengan dua cara:

- i) Rekod pencapaian akademik murid semasa mereka berada dalam darjah satu.
- ii) Soal selidik dihantar kepada ibubapa murid untuk mendapatkan maklumat mengenai latar belakang mereka.

### **c. Pembolehubah**

Pembolehubah adalah seperti berikut:

Pembolehubah bebas

Ras : Melayu, Cina, India dan lain-lain

Tahap pelajaran ibu : bilangan tahun persekolahan ibu

Tahap pelajaran bapa : bilangan tahun persekolahan bapa

Pendapatan ibubapa : jumlah pendapatan ibu dan bapa dalam sebulan.



## Pembolehubah bergantung

Pencapaian murid dalam ujian akhir darjah satu, diukur dengan mengambil marka keseluruhan murid dalam semua mata pelajaran.

## Analisis Data

Data dianalisis dengan menggunakan Multiple Regressi. Regressi ialah Analisis statistik yang membolehkan kita mencari perkaitan di antara pembolehubah bebas dan pembolehubahbergantung. Melalui analisis regresi kita dapat mengesan pembolehubah-pembolehubah bebas (latar belakang pelajar) yang mempunyai kaitan yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar (Pembolehubah bergantung). Kaedah yang digunakan ialah 'forward inclusion' dalam regresi, di mana pembolehubah bebas dimasukkan ke dalam model, satu persatu. Dalam model I Ras dimasukkan ke dalam model regresi. Ras 'Melayu' menjadi ras penunjuk, manakala 'Cina' dan 'India' dimasukkan ke dalam model. Dalam model II pula, pendapatan ibubapa dimasukkan, model III tahap pelajaran ibu dan bapa, manakala dalam model IV tahap pelajaran ibu yang telah dikategorikan kepada kurang daripada 6 tahun, 6-12 tahun, lebih daripada 12 tahun dimasukkan. Dalam model V pula, dimasukkan interaksi Ras dan Pelajaran Ibu. Dalam tiap-tiap 2 model, nilai R dipastikan.

## Penemuan

Data telah menunjukkan beberapa penemuan yang menarik. Dalam model I (lihat Jadual I untuk Model I-V) didapati bahawa murid-murid Cina secara purata mendapat 13.7 markah lebih daripada murid-murid Melayu (yang ditunjukkan oleh Koefisien Konstan) dan murid-murid India secara purata mendapat 29.7 markah kurang daripada murid-murid Melayu. Nampaknya 'murid-murid India mempunyai hubungan yang negatif dengan pencapaian akademik dalam darjah satu. Dalam kata lain, di antara murid-murid yang berlainan ras murid-murid India menunjukkan pencapaian yang paling rendah.  $R^2$  bagi model ini ialah 5%, yang menunjukkan bahawa hanya 5% varians dalam pencapaian diterangkan oleh pembolehubah bebas, yakni Ras.

Dalam model II pendapatan ibu bapa dan Ras (India) menunjukkan hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik murid.  $R^2$  meningkat ke 20%.

Apabila tahap pelajaran ibu dan bapa dimasukkan ke dalam model III, didapati hanya tahap pelajaran ibu (yang menunjukkan kaitan yang positif) dan rasa (India) mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian murid. Pendapatan ibubapa tidak lagi signifikan, dan tahap pelajaran bapa tidak menunjukkan hubungan yang signifikan. Ini mungkin disebabkan oleh korelasi yang agak tinggi di antara tahap pelajaran ibu dan tahap pelajaran bapa (.633), dan juga korelasi yang tinggi di antara tahap pelajaran ibubapa dan pendapatan ibubapa (.64).  $R^2$  meningkat ke 35%.

Dalam Model IV, data ini menunjukkan bahawa Ras (India) masih mempunyai hubungan yang signifikan dan negatif dengan pencapaian akademik murid darjah satu; dan pelajaran ibu 6 - 12 tahun mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan pencapaian murid.  $R^2$  meningkat kepada 40%.

Dalam model V pula apabila pelajaran ibu (Cina) dan pelajaran ibu (India) dimasukkan ke dalam model bersama-sama dengan Ras (Cina, India) dan Pelajaran Ibu, penemuan menunjukkan bahawa Ras (India) dan pelajaran ibu masih signifikan, dan pelajaran ibu India menunjukkan hubungan yang positif dan signifikan dengan pencapaian akademik murid. Dengan kata-kata lain, peningkatan 1 tahun pelajaran ibu India akan meningkatkan skor pencapaian anaknya sebanyak 10.74 markah.  $R^2$  ialah 37%. Ini bermakna pembolehubah-pembolehubah dalam model V menerangkan 37% daripada varians dalam pencapaian murid.

**JADUAL 1: Analisis Regresi menunjukkan faktor-faktor berkaitan dengan pencapaian.**

	Model I			
	B	Ralat Standard	T	Sig t
Cina	13.17	15.2	.865	0.389
India	-29.17	15.3	-1.936	0.055*
Konstan	313.07	10.0	31.307	0.000
R2 = 0.05				
N = 135				

	Model II			
	B	Ralat Standard	T	Sig t
Cina	6.23	15.9	.390	0.679
India	-27.17	15.3	-1.771	0.079*
Pendapatan Ibubapa	0.022	0.005	4.366	0.000**
Konstan	289.3	11.40	25.367	
R2 = 0.2049				
N = 114				

	Model III			
	B	Ralat Standard	T	Sig t
Cina	16.03	14.7	1.086	0.280
India	-33.0056	14.5	-2.27	0.025 **
Pendapatan Ibubapa	0.0048	0.006	0.806	0.422
Pelajaran Ibu	8.77	2.24	1.176	0.24
Pelajaran bapa	2.79	2.38		
Konstan	216.98	19.79	10.9	0.000
R2 = 0.35				
N = 112				



	Model IV			
	B	Ralat Standard	T	Sig t
Cina	11.224	13.13	0.85	0.395
India	-41.372	13.7	-3.00	0.003**
Pelajaran Ibu < 6 thn.	1.27	3.5	0.36	0.717
Pelajaran Ibu 6-12 thn.	18.9	2.7	6.9	0.000**
Pelajaran Ibu > 12 thn.	-4.5	8.5	-0.5	0.598
Konstan	271.7	20.1	13.5	0.000
R <sup>2</sup> = 0.4030 N = 118				

	Model V			
	B	Ralat Standard	T	Sig t
Cina	-0.684	30.8	-0.02	0.98
India	-117.558	36.1	-3.25	0.002 **
Pelajaran Ibu	7.695	2.545	3.02	0.003 **
Pel. Ibu Cina	2.317	3.57	0.648	0.518
Pel. Ibu India	10.74	4.29	2.5	0.014 **
Konstan	255.6		12.0	0.000
R <sup>2</sup> = 0.37 N = 118				
* Signifikan pada aras .1	** Signifikan pada aras .05			

## Rumusan dan Perbincangan

Data menunjukkan bahawa beberapa pembolehubah latar belakang murid (pendapatan ibubapa, pelajaran ibu, ras) jika dianalisis satu persatu mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik murid darjah satu. Walau bagaimanapun, model terakhir menunjukkan hanya ras (India), pelajaran ibu, dan pelajaran ibu India menunjukkan hubungan yang signifikan dengan pencapaian murid darjah satu. Kesemua pembolehubah ini menerangkan 37% daripada varians dalam pencapaian murid. Hanya Ras (India) menunjukkan hubungan yang negatif. Dengan demikian bolehlah dirumuskan bahawa, kanak-kanak India tidak mencapai akademik dengan baik berbanding dengan murid-murid Melayu dan Cina dalam sampel ini. Didapati juga, ibu yang mempunyai pendidikan menengah mempunyai pengaruh yang lebih berkesan kepada pendidikan anak-anak mereka dan ibu yang berpelajaran, walaupun penting untuk semua, lebih penting bagi anak-anak India daripada anak-anak Cina atau Melayu. Penemuan mengenai kelemahan

anak-anak India dalam pencapaian akademik disokong oleh dapatan kajian T.A. Aziz (1980) yang menunjukkan bahawa pembolehubah Ras (India) mempunyai hubungan yang negatif dengan pencapaian dalam Ujian Penilaian Darjah Lima. Beliau juga mendapati bahawa, murid-murid India lebih dipengaruhi oleh sokongan akademik yang diperolehi daripada ibubapa daripada pelajar-pelajar ras lain.

Kelemahan dari segi pencapaian akademik, di kalangan anak-anak India ini boleh dikaitkan dengan kedudukan status sosio ekonomi mereka yang pada umumnya adalah rendah (sila lihat jadual 2a, & 2b). Kebanyakan anak-anak India dalam kajian ini datangnya dari estet-estet berdekatan dengan sekolah yang dikaji. T.A. Aziz (1989) dalam analisis lintasannya (path analysis) mendapati bahawa sokongan akademik ibubapa dipengaruhi secara langsung (direct) oleh kedudukan ekonomi ibubapa. Sokongan akademik ibubapa pula mempengaruhi suasana rumahtangga. Dari itu bolehlah disimpulkan bahawa bagi anak-anak India, ibu yang berpelajaran dapat melahirkan suasana rumahtangga yang boleh menolongnya mencapai dengan lebih baik dari segi akademik.

**JADUAL 2a: Taburan pendapatan keluarga mengikut ras**

Ras	Min
Melayu	1148.6
Cina	1477.8
India	1056.7
Jumlah	1209.2

**JADUAL 2b: Taburan kedudukan pekerjaan bapa mengikut ras**

Ras	Min
Melayu	43.39
Cina	48.36
India	43.6
Jumlah	44.89

Pengaruh ibu terhadap perkembangan mental kanak-kanak memanglah penting, bahkan pengaruh ini bermula semasa kanak-kanak berada dalam rahim ibu lagi. Ibu yang berpelajaran tahu bagaimana hendak menjaga anak-anak supaya sihat dari segi fizikal dan mental sebelum mereka (anak-anak) dilahirkan lagi. Tahap pelajaran ibu berkaitan rapat dengan tahap sosio ekonomi famili. Banyak juga pengkaji hanya menggunakan tahap pendidikan ibu sebagai petunjuk (indicator) bagi tahap sosio ekonomi famili. Ini dilakukan oleh mereka kerana mereka menganggap tahap pendidikan ibu mempunyai korelasi yang tinggi dengan tahap pendidikan bapa (.79) dan pekerjaan bapa (.68). Pendidikan ibu juga didapati banyak mempengaruhi strategi-strategi yang digunakan untuk meningkatkan



pencapaian murid. Baker dan Stevenson (1986), mendapati bahawa ibu-ibu yang lebih tinggi tahap pendidikan mempunyai lebih banyak strategi untuk meningkatkan prestasi akademik anak-anak mereka. Ibu-ibu yang lebih berpelajaran, lebih pandai mengurus karier sekolah anak-anak mereka, lebih sering mengikuti kemajuan akademik anak-anak mereka dan mempunyai aspirasi yang lebih tinggi terhadap pencapaian anak-anak mereka.

Dalam kajian ini, didapati bahawa strategi ibu untuk meningkatkan kedudukan akademik anak-anak mereka bermula sebelum anak-anak ke sekolah lagi. Guru besar sekolah yang dikaji menceritakan bagaimana ibu-ibu yang berpelajaran datang ke sekolah menanyakan bagaimanakah murid-murid akan dialirkan kepada kelas-kelas tertentu. Pada masa itu (sebelum KBSR), sekolah ini mengalirkan murid kepada kelas-kelas yang berbeza mengikut kebolehan murid dalam mata pelajaran sains, ilmu hisab dan Bahasa Malaysia. Untuk mengukur kebolehan murid ini, sekolah mengadakan ujian pada minggu yang kedua semasa murid berada dalam darjah satu. Mengikut guru besar itu, ibu-ibu yang berpelajaran mengatur strategi, iaitu mengajar dan melatih anak-anak mereka supaya mahir dalam mata pelajaran yang hendak diuji supaya anak-anak mereka dapat memasuki kelas yang baik. Mengikut guru-guru di sekolah itu, ibubapa status sosio ekonomi tinggi lebih mengambil tahu tentang anak-anak mereka. Ibubapa status sosio ekonomi rendah jarang berjumpa dengan guru walaupun mereka diundang oleh pihak sekolah.

Justeru itu jelas dilihat bahawa latar belakang sosio ekonomi pelajar mempunyai pengaruh yang penting dalam pencapaian mereka di awal persekolahan. Namun demikian perlu ditegaskan di sini bahawa faktor-faktor sekolah juga mempengaruhi pencapaian murid-murid. Dalam kajian ini didapati bahawa proses pengaliran murid kepada kelas-kelas yang berbeza, perbezaan dari segi kualiti pengajaran guru dalam aliran-aliran ini, dan kurangnya mobiliti murid daripada satu aliran kepada aliran yang lain menyebabkan jurang perbezaan dari segi pencapaian akademik di antara murid-murid kelas lemah dan kelas pandai semakin membesar apabila kanak-kanak meningkat ke darjah seterusnya. Yang penting ialah murid-murid aliran lemah, kebanyakannya datang dari keluarga yang miskin (Sharifah Nor 1985) (Lihat Jadual 3a dan b).

**JADUAL3a : Taburan Pendapatan Keluarga Mengikut Aliran Pendapatan Keluarga**

	< \$500	\$500-1000	\$1000-2000	>\$2001
Aliran	%	%	%	%
Aliran terbaik	15.4	12.8	28.2	43.6
Aliran ke 2	40.7	18.5	25.9	14.8
Aliran ke 3	36.4	39.4	24.2	0
Aliran ke 4	63.3	30.0	3.3	2.3
Aliran paling lemah	73.3	20.0	6.7	0
Jumlah	41.0	24.3	19.4	15.3
n	59	35	28	22



**JADUAL 3b: Taburan Ras murid mengikut aliran**

Aliran	Ras			Jumlah	N
	Melayu	Cina	India		
Aliran terbaik	30.8	43.6	25.6	27.0	39
Aliran ke 2	37.0	44.4	18.5	19.0	27
Aliran ke 3	48.5	24.2	27.3	23.0	33
Aliran ke 4	40.0	16.7	43.3	21.0	30
Aliran paling lemah	53.3	0	46.7	10.0	15
Jumlah	58	42	44		144
Jumlah %	40.3	29.2	30.6	100.0	

Dari itu jelas kelihatan bahawa dalam sistem peraliran sebelum KBSR, sekolah tidak berfungsi merapatkan jurang perbezaan dari segi pencapaian akademik yang dibawa oleh anak-anak daripada rumah mereka, bahkan lebih membesarkannya.

Apakah yang perlu dibuat untuk mengatasi ketidaksamaan dalam pendidikan di kalangan anak-anak kita di sekolah? Pencapaian ekonomi yang lebih baik di kalangan penduduk-penduduk miskin mungkin memberi kesan yang positif terhadap tahap kemampuan keluarga dan seterusnya mempertingkatkan kemampuan anak-anak perempuan meninggikan tahap pelajaran mereka supaya menjadi ibu yang berpelajaran kelak. Langkah untuk memperbaiki tahap kehidupan semua kaum terutama sekali kaum India di estet-estet dan yang bekerja sebagai buruh amatlah penting. Kaum India juga perlu memberi penekanan yang wajar terhadap pendidikan anak-anak perempuan mereka.

Sekolah pula perlu lebih peka kepada amalan-amalan yang dilakukannya supaya tidak melemahkan keadaan murid-murid miskin. Dalam KBSR sistem peraliran tidak lagi diamalkan sebaliknya 'kelompok kebolehan dalam bilik darjah' yang ujud. Bolehkah sistem ini merapatkan jurang perbezaan murid-murid dari berbagai latar belakang sosio ekonomi ini? Yang penting ialah kualiti pendidikan yang diterima oleh murid perlu bergantung kepada saiz bilik darjah, kemudahan yang disediakan dan guru-guru yang berkualiti. Guru-guru pemulihan juga diperlukan untuk murid-murid yang lemah dan bilangannya perlu ditambah di sekolah-sekolah yang memerlukannya.

Di samping itu perhubungan antara sekolah dan ibubapa perlu dipereratkan. Sekolah hendaklah menyusun strategi untuk melibatkan ibu bapa kanak-kanak status ekonomi rendah dalam meningkatkan pelajaran anak-anak mereka. Tanpa usaha-usaha yang serius di antara pihak sekolah dan ibubapa, sukarlah bagi kita mengatasi masalah pencapaian murid-murid miskin di sekolah.

Selain daripada sekolah, agensi-agensi sosial yang lain seperti KEMAS dan sebagainya perlu mengusahakan satu program Pendidikan Ibu Bapa yang berbentuk non-formal, supaya ibu bapa yang miskin dan kurang berpelajaran didedahkan kepada pendidikan asas (literacy) dan pengetahuan mengenai penjagaan anak-anak. Kemudahan tadika juga perlu



kurang beruntung. Polisi sosial yang mementingkan peningkatan taraf hidup rakyat kita yang miskin perlu diberi keutamaan.

## Penutup

Banyak lagi kajian yang perlu dibuat untuk mencari penyebab mengapa kanak-kanak miskin gagal di sekolah. Kajian mengenai amalan-amalan asuhan anak-anak di rumah, terutama sekali di estet-estet perlu dibuat. Begitu juga dengan amalan-amalan sekolah, jangkaan guru, kaedah pengajaran guru dan sebagainya yang mempunyai kaitan dengan pencapaian murid perlu dikaji. Kajian berbentuk ethnografik amat sesuai bagi mencungkil proses yang berjalan dalam bilik darjah. Diharapkan banyak lagi kajian yang berbentuk pemerhatian dijalankan supaya keadaan yang sebenarnya dapat diatasi.

## Rujukan

- Baker D & Stevenson D (1986), *Mother's Strategies fore Children's School Achievement: Managing the Transition to High School*, *Sociology of Education*, Vol. 59, No. 3, pp 156 - 166.
- Bourdieu, Pierre, "System of Education and Systems of Thought". *In knowledge and control*, edited by M.F.D. Young, London: Collier, 1971.
- Coleman, James S., et. al. (1966) *Equality of Educational Opportunity*. Washington D.C. U.S. Government Printing Office, 1966.
- Lavin D.E. (1973), *Sociological Determinant of Academic Performance In Sieber Wilder (ed.) The School in Society.*, Free Press New York.
- Sharifah Md. Nor (1985), *Streaming in the Lower Secondary Schools*, Unpublished Ph. D. Dissertation, University of Wisconsin Madison.
- Tengku Ab. Zainal (1989), *Student Background and the Academic Achievement of Primary School Students in Rural Peninsular Malaysia*, Unpublished Ph.D Dissertation, University of California, Los Angeles.